



ANTARA FANTASI DENGAN REALITI:

Cerpen Modern yang Mendidik

OLEH **NF ABDUL MANAF**

iga buah cerpen yang akan kita kupas bulan ini sangat menarik bagi saya kerana mereka mempamerkan kematangan kreativiti para penulis kita. Kreativiti yang bersandarkan ilmu, rujukan dan mesej tajam yang tersirat ini juga merupakan cermin pemikiran para penulis yang berkarya dalam bahasa Melayu nyata jauh ke hadapan jika dibandingkan dengan penulis-penulis Malaysia yang menulis dalam bahasa lain, yang rata-ratanya masih memperjuangkan identiti diri dan jurang ras, kelas dan gender yang tidak berkesudahan.

"Ops Akliah" hasil tulisan Saharil Hasrin Sanin sangat panjang bagi sebuah cerpen tetapi cerpen ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Adakalanya seperti terlalu banyak yang ingin disogokkan oleh penulis kepada pembaca sehingga hampir hilang sebentar plotnya. Bagaimanapun,

penulis bijak merangka dan memastikan kesinambungan cerita itu berakhir dengan baik sehingga pembaca terpaksa membaca beberapa kali penghujungnya untuk memastikan mereka betul-betul faham cerita ini bukanlah sebuah fantasi. Ceritanya *real* dalam usaha merakam sebuah perjuangan memartabatkan kehebatan sebuah tamadun kepunyaan sebuah agama, yakni agama Islam. Gambaran yang diberikan tentang Operasi (Ops) Akliah itu diselang selikan dengan sejarah Islam, umatnya yang sentiasa ditindas dan diserang yang juga memberi secebis rasa mengenai kehidupan seorang pu... yang bijak merancang dan melalui kehidupan yang berbahaya demi komitmennya terhadap agama dan cintanya terhadap ilmu. Cinta kepada ilmu ini membuat musuh menjadi kawan (Ryan), penakut jadi juara, sakit jadi ubat. Antara kelompok manusia yang mulia di sisi Allah termasuklah mereka yang cinta akan ilmu.

Jika pada akhir cerpen ini, protagonis dan sahabatnya Zaid terkorban dalam ledakan bom, mereka terus hidup di alam barzakh sebagaimana janji Ailan yang syahid itu tidak mati. Pada akhir cerpen, mereka hidup di bawah tanah, menyelidik dan membaca khazanah yang mereka jumpa sehingga tiba waktunya untuk bertindak (menyebarkan ilmu yang dijumpai). Derik-derik perjuangan mereka bermula dari langkah -40. Ketika langkah itu menjadi kosong, nombor kembali menjadi satu (langkah positif!) mengikut pengiraan Al-Samawal bahawa 0 - (-a) = a. Bukan kosong! Malah, kehebatan pengaturan Allah akan alam ini juga diakui oleh ahli matematik dan saintis bukan Islam masa kini - Kurt Godel, Christoph Benzmueller, Bruno Woltzenlogel Paleo dan yang terbaharu, Michio Kaku yang mengatakan pasti ada Kuasa yang lebih tinggi kerana peraturan yang begitu harmoni dan indah; jika tiada Kuasa yang lebih tinggi alam ini pastinya hodoh dan kacau kacir.

Penulis "Ops Akliah" juga ingin mengajak pembaca ke arah ini: kenati Pencipta kamu menerusi akal kamu. Menerusi ilmu. Tetapi penulis juga yakin ada ilmu yang tidak dapat kita tembusi seperti cara mereka boleh hidup di bawah tanah itu tanpa rasa sakit daripada kesan ledakan bom itu, dan sebagainya. Hal ini hanya boleh berlaku dengan zat Allah yang tidak dapat kita bolos dengan akal fikiran. Hal ini seperti menangani pendapat Muktazilah dan yang seangkatan dengan aliran pemikiran sebegini apabila mereka mempercayai rasional dan akliah itu mengatasi segala-galanya. Bagi mereka, ilmu wahyu jatuh nombor dua kerana kekuatan akal fikiran ialah Raja segala-galanya. Dalam hal ini, protagonis yang telah menghabiskan ikhtarnya untuk mengambil semula khazanah Islam

akhirnya tidak dapat melawan takdir dan juga tidak bisa memahami perkara yang berlaku ke atas mereka selepas ledakan bom itu. Mereka terus hidup tanpa kesan bom di bawah tanah. Akal tidak boleh menjangkau perkara-perkara ghaib seperti itu. Antara fantasi dengan ideologi, cerita ini banyak membuat pembaca berfikir tentang erti perjuangan (apakah hukum operasi berani mati dalam Islam? Matlamat tidak seharusnya menghalalkan cara). Pembaca juga diajar akan kehebatan tamadun Islam masa lampau dan diingatkan bagaimana yang ditindas itu akan kembali kuat dengan kehebatan ilmu. Pada akhir cerpen, protagonis berkata, masanya akan tiba jua. Satu harapan yang kita tahu daripada sejarah, kegemilangan bangsa akan mengambil masa yang lama untuk menjadi realiti.

II.

S.M. Zakir dalam cerpen yang berjudul "Perjanjian Mephistopheles" telah berjaya mengolah sebuah cerita yang menarik melalui pelbagai sumber hasil karyawan Barat, termasuk Goethe, Chekhov dan pemikiran ahli sains seperti Gall, Fechner dan Helmholtz. Karya Iqbal Javid *Namah* juga menjadi sebahagian daripada rujukan dalam cerpen ini. Rujukan pelbagai sumber ini telah memberikan kelainan pada versi *Faust* Malaysia ini. Fokusnya tidak lagi tentang ketamakan Faust (atau Firis dalam versi Zakir) tetapi kepada Mephistopheles yang sering dilihat sebagai karakter yang antikehutan dan antikebaikan.

Dalam karya Barat, sama ada yang turut dipopularkan oleh Christopher Marlowe pada kurun ke-16 England mahupun karya Goethe beberapa kurun selepas Marlowe, Doktor Faustus akhirnya tewas di tangan Iblis

Informasi
Arts & Lite



str.no: 0000 275375
ART2017/A02

Arts & literature - General
Pg 60-63.

jahanam. Iblis dalam cerpen Zakir tewas dengan doa yang memohon kepada Allah agar takdir dipinda (hal ini diilhamkan oleh tulisan Iqbal dalam karyanya *Javid Namah*). Inilah keindahan ironi dalam cerpen ini. Pembaca yang arif dengan kesudahan Dr. Faustus atau Faust pastinya akan terkejut membaca bahawa ada penyudah yang lebih manis dan lebih optimis daripada karya Marlowe atau Goethe. Nilai kemanusiaan ber"roh" yang ingin disampaikan oleh Zakir ialah hal ini: tiada ertinya menjadi bijaksana, kaya dan sempurna jika kita tahu kekuatan kita itu bukan datang daripada sumber yang tulen. Hasil dan karya mereka yang mendapat "kuasa magis" daripada Mephistopheles adalah kosong atau membuat jiwa mereka berasa kosong kerana terlalu terkenal dan terlalu sibuk dengan undangan pemuja-pemuja mereka. Faris menyerahkan kuasa Mephistopheles kepada Don, karyawan lain yang tiba-tiba berjaya dan terkenal tetapi beliau juga berasa hambat dan tidak lagi berasa tulen. Don kemudiannya menyerahkan kehebatannya kepada seorang pensyarah yang juga mengalami kekebatan dan penyesalan yang serupa dan menyerahkannya kepada Maja, seorang pelawak. Maja juga tidak betah menjadi terlalu berjaya dan terserempak dengan lelaki kepala besar dan kerana sedikit kesilapan teknik (yang mungkin juga takdir), kehebatan magis Mephistopheles kembali kepadanya. Mephistopheles kembali kepada Faris dan cuba memerangkapnya agar menerima kembali kebijaksanaan yang telah hilang. Faris cuba mencari

logik dan rasional untuk memahami kehidupan - sama ada alam dan manusia mempunyai roh atau semuanya hanya proses mekanistik yang kebetulan sahaja? Inilah soalan yang membezakan mereka yang beriman dengan mereka yang ateis. Antara saintis sekular dengan saintis Islam. Mephistopheles mengatakan hal itu tidak penting dan hanya membuang masa memikirkannya. Yang penting lagi, dia mahu menguasai roh Faris. Tugas Iblis hanya satu - memusnahkan anak cucu Adam. Faris diberitahu oleh Mephistopheles bahawa hanya melalui doa, takdir dapat dipinda.

Faris pun mula berdoa. Dan, dia selamat, seperti petikan yang berikut:

"Tiada yang dapat menghalang takdir... kecuali doa."
Faris memandang lelaki tua itu... dan kemudian berdoa.
Sesungguhnya, ia adalah cerita yang paling tolot. Faris bangun dari mejanya dan masuk ke kamarnya untuk tidur. Hujan masih berderai-derai di luar. Ada bondongan angin yang zuba masuk ke ruang kediamannya tetapi terhaling oleh pintu cermin yang telah ditutup rapat. Sepasang mata liar tertangkap di cermin dan kemudian terapung di gelap malam. Hilang.

Mesejnya ialah hanya kuasa Allah dapat mengubah takdir dan doa itu juga sebahagian daripada ikhtiar manusia rasional. Seperti ada ikatan antara cerpen Zakir dengan cerpen Saharil Hasrin apabila kedua-dua penulis percaya bahawa akal itu penting untuk memimpin ke arah kebaikan tetapi bagi Zakir, akal sahaja tidak cukup kerana bergantung kepada Allah adalah lebih baik untuk menjamin keselamatan seseorang itu.

KEBERANIAN MEREKA
MENCUBA SESUATU YANG
BAHARU - MENGAMBIL
KIRA RUJUKAN LUAR.
MEMBERI ALTERNATIF
PENCERITAAN YANG
BERBEZA DARIPADA
CERITA ASAL ATAU
MEMBERIKAN NAFAS
BAHARU PADA
CERITA KLASIK
LALU MEMBAWANYA
KEMBALI KE KURUN
YANG SERBA MODEN
INI YANG NILAI,
PERATURAN, ADAB DAN
HIERARKI ACAP KALI
SUDAH TIADA TEMPATNYA.
CERPEN-CERPEN INI
BANYAK MERUJUK SUMBER
MASA LAMPAU TETAPI
MESEJ KEMANUSIAANNYA
TETAP TIDAK BERUBAH.
KITA JANGAN TAMAK, KITA
JANGAN MENGIKUT NAFSU
MARAH KERANA SIFAT INI
AKAN MEMBINASAKAN
BUKAN SAHAJA MUSUH
TETAPI DIRI SENDIRI.

III.

Peter Augustine Goh memilih cerita legenda dendam Bendahara Sang Rajuna Tapa sebagai pembuka pintu masuk kota Singapura untuk memperkatakan isu ketaatan pemimpin (tanggungjawab sebagai bendahara) yang berkonflik dengan isu menuntut keadilan peribadi bagi puterinya, Dang Anum yang dibunuh oleh Raja akibat cemburu para

gundik raja yang lain. Cerpen "Air Mata Bendahara" ini memaparkan ketaatan Melayu masa lampau terhadap raja mereka. Walaupun Raja melakukan kesalahan membunuh Dang Anum tanpa usul periksa, sebarang pengkhianatan terhadap Raja akan tetap mendapat balasan buruk kerana daulat raja yang ada pada baginda:

"Baru tuan hamba sedar kini daulat raja memang tidak dapat diragu. Kedaulatannya melebihi puncak Gunung Mahameru, gunung agung di hulu sungai Muara Tatang, asal usul keturunan yang terbiang yang termeterai barisan kata yang bernama waadat atau perjanjian itu."

Kisah bendahara yang menderhaka dan melakukan pengkhianatannya terhadap raja dan kota Singapura kepada Majapahit masih relevan pada hari ini kerana kejatuhan seseorang kota atau kerajaan itu akibat daripada pengkhianatan dari dalam - daripada mereka yang berasa ditindas oleh pihak berkuasa. Dalam "Air Mata Bendahara", Peter Augustine mengatakan bahawa kelompok ini tidak akan selamat pada akhirnya. Sungguhpun pemerintahan Raja Iskandar Syah, raja kelima Singapura musnah dan baginda terpaksa melarikan diri ke Muar dan seterusnya ke Melaka, Bendahara dan isterinya bertukar menjadi batu dan tercampak ke sebuah parit berdekatan sebatang sungai di Singapura. Air mata Bendahara ialah air mata sesal sebangkah batu. Segala-galanya sudah terlewat dan dia mendengar sekumpulan pelajar berdiskusi tentang sejarah masa lampau, sejarah seorang bendahara pengkhianat:

"Amoun 'tanjung'
Rayuan bendahara pada larut malam itu

kini disambut petir yang bagai menyalat... nyiat langit gelap. Gelap dan hitam. Tidak macam arang. Sesekali, guruh berterak gamat, menandakan kesempurnaan sebuah hujan yang litik-litik kasarnya kian hebat menikami bumi.

Saya kira, kisah legenda bendahara menderhaka ini tidak ramai yang mengetahuinya dalam kalangan generasi muda alaf 21 ini. Mungkin inilah salah satu sebab mengapa Peter Augustine memilih kisah ini, untuk memaparkan konflik taat-adil ini seperti kisah Tuah-Jebat yang lebih diketahui ramai. Ketika menelitinya pada bacaan pertama, persoalan saya ialah mengapa penulis memilih cerita ini? Di manakah simpati pembaca pada akhir cerpen? Bersama-sama Bendahara yang tiada peluang untuk membaiki diri atau bersama-sama Raja yang hilang pemerintahannya lantas hidup melata? Saya kira, perdebatan ini akan meletakkan di mana kita berada sekarang - di dunia pascamoden atau di dunia yang masih mempercayai bahawa "orde" memerlukan hierarki atau letak duduk sesuatu itu. Dalam hal ini, darjat masih penting seperti yang dinyatakan oleh Syed Naguib al-Attas, "Seorang isteri tidak sama kedudukannya dengan seorang suami. Begitu juga seorang anak - dia tidak boleh setaraf dengan ibu atau bapanya. Begitu juga dengan murid - dia tidak bisa menjadi gurunya". Bendahara tidak bisa menjadi raja dengan membuat hukuman dan memenuhi kehendaknya sendiri. Jika berbuat juga, maka kucar-kacirlah negara. Apabila seseorang negara itu kucar-kacir, begitu juga keluarga dan individu negara itu. Hal ini sangat sesuai untuk kempen mengekalkan sesebuah kepimpinan!

Bagaimana pembaca menilai air mata bendahara itu bergantung kepada nilai yang dibawa oleh pembaca itu sendiri. Syeikh Hamza Yusuf dalam salah satu ceramahnya berkata, dunia ini ialah refleksi diri kita sendiri. Jika badan kita berasid, laut kita juga akan berasid. Jika kita gembira, atmosfera kita juga akan ceria.

Kesimpulan yang saya temui daripada kekuatan ketiga-tiga cerpen ini ialah keberanian para penulisnya. Keberanian mereka mencuba sesuatu yang baharu - mengambil kira rujukan luar, memberi alternatif penceritaan yang berbeza daripada cerita asal atau memberikan nafas baharu pada cerita klasik lalu membawanya kembali ke kurun yang serba moden ini yang nilai, peraturan, adab dan hierarki acap kali sudah tiada tempatnya. Cerpen-cerpen ini banyak merujuk sumber masa lampau tetapi mesej kemanusiaannya tetap tidak berubah: kita jangan tamak, kita jangan mengikut nafsu marah kerana sifat ini akan membinasakan bukan sahaja musuh tetapi diri sendiri. Persoalan kekuatan akal/rasional dan kerohanian juga timbul dalam dua cerpen, "Ops Akliah" dan "Perjanjian Mephistopheles". Mungkin secara kebetulan kedua-duanya berpasakkan mereka sebagai manusia: hiduulah mereka sebagai antisial dalam dunianya yang tersendiri (dalam "Ops Akliah" - hidup di bawah tanah). Walau bagaimanapun, cerpen-cerpen ini tetap mencabar minda, malah dapat membuka minda pembacanya untuk melihat hidup ini dengan perspektif yang berbeza. ❏